

# Adam juara catur UMS

GL Oh DE 26-10-2012 12  
KOTA KINABALU: Adam Ulahah tidak diduga meraih kejuaraan Pertandingan Catur Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah edisi 2012 di Dewan Kuliah Perdana B2 di UMS baru-baru ini.

Dalam acara kemuncak mendebarkan, Adam melakar kejutan dengan kemenangan klasik taktikal ke atas pemain negeri Faizal Andin yang selesa 0.5 mata di hadapan dan memerlukan hanya seri dalam perlawanan terakhir untuk meraih tempat pertama dan wang tunai RM500.

Dengan kekalahan itu, Faizal terpaksa berpuas hati dengan tempat ketiga memandangkan Mohd Noor Othman menduduki tangga kedua manakala tempat keempat hingga ketujuh dimenangi oleh Abdul Wahab Abu Bakar, Masrin Erowan, Morsin Ahmad dan Zeffddy Sipin.

Kesemua mereka mengumpul hadiah wang tunai dan pingat juga diberikan kepada pesaing terkemuka junior dalam

kedua-dua kategori lelaki dan perempuan. Bagi kategori lelaki bawah-15, Azman Babah menang pingat emas, diikuti Irfan Syahmi dan Awang Mohd Syafie manakala gelaran kategori perempuan bawah 15 dimenangi Beviana Justin diikuti Cinderella Justin.

Seramai 40 pemain yang memaparkan beberapa nama teratas di negeri ini mengambil bahagian dalam kejohanan itu, dianjurkan bersama oleh Persatuan Catur Sabah, bersempena acara tahunan Tamu Gadang Festival Konvokesyen.

Sementara itu, kejohanan sulung Catur IBH KK Speed Master yang diadakan sehari lebih awal di Hotel Imperial Boutec menyaksikan Kamino Marino muncul juara.

Beliau meraih gelaran itu dengan gaya dominan, di depan pilihan utama kejohanan Faizal Andin dan dua lagi pesaing pilihan Morsin Ahmada dan Junaidih Halil.

Tempat kedua dimenangi Mahimad Petrus yang membuat kemunculan semula selepas tewas dua perlawanan pertama dengan



Adam (tengah) menerima hadiah daripada Anizan.

menang lima perlawanan berturut-turut untuk menewaskan Faizal dan Junaidih.

Tempat ketiga jatuh kepada Juara Negeri, Masrin Erowan dan tempat 4-10 dimenangi Halil Junaidih, Saraggan Amir, Mohd Jan, Faizal, Andin, Sulaiman Jamal, Ali Akbar dan Morsin Ahmad

Pertandingan Speed Master ini yang dimulakan

oleh Anizan Mahruf dianjurkan oleh pengurusan Hotel Imperial Boutec dan ia berada pada pusingan 7, melibatkan pertandingan 10 minit setiap permainan..

Anizan meluahkan ucapan terima kasih kepada semua penaja dan penganjur. Beliau menambah, kejohanan itu akan diadakan setiap bulan dan kejohanan seterusnya akan berlangsung pada 18 November.